

Hanya PM tentukan agihan kerusi BN

BH: 7/7/2007

KUALA LUMPUR: Setiap pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) berhak meminta tambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), tetapi keputusan akhir hanya diputuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden BN.

Naib Presiden Umno, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata setiap parti komponen BN bebas meminta seberapa banyak kerusi mereka mahu, tetapi biarlah Perdana Menteri memutuskan kewajaran permintaan itu bersandarkan keadaan semasa.

"Kayveas (Datuk M Kayveas) berhak meminta seberapa banyak kerusi dia mahu, ..hatta 1,000 kerusi sekali pun, tetapi serahkanlah kepada Perdana Menteri (untuk pertimbangan) tanpa perlu menghebahkannya kepada orang ramai.

"Kata putus (mengenai jumlah kerusi) ditentukan Perdana Menteri," katanya mengulas kenyataan Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas yang meminta BN mengembalikan empat kerusi Parlimen dan 12 kerusi DUN yang pernah dipegang parti itu pada pilihan raya umum akan datang.

Kayveas yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dilaporkan berkata, su-

dah tiba masa BN memberikan semula kerusi berkenaan kepada PPP sebagai tanda setiakawan dalam BN dan menjaga kepentingan lebih 500,000 ahli PPP.

Kayveas juga mendakwa parti itu dianaktirikan BN kerana sejak 14 tahun beliau menerajui PPP, hanya satu kerusi Parlimen dan satu kerusi DUN diberikan walaupun banyak kawasan baru dipertandingkan seperti pada Pilihan Raya Umum 2004.

Beliau juga menggesa perubahan dilakukan dalam politik negara dengan parti memerintah tidak lagi berasaskan kaum seperti diamalkan BN yang mempunyai 14 parti komponen.

"Saya fikir masa depan politik negara perlu berasaskan hanya satu parti yang mewakili semua kaum," katanya.

Sementara itu, Exco Pemuda Umno, Datuk Idris Haron, berkata semua parti komponen perlu menyokong dan mendukung semangat perpaduan dan perkongsian kuasa menerusi BN.

"Sebarang isu termasuk untuk meminta kerusi tambahan pada pilihan raya umum tidak seharusnya dijadikan polemik untuk mencari publisiti," katanya sambil menambah tindakan Kayveas itu lebih bersifat 'cubaan politik' untuk membuktikan sesuatu kepada ahli partinya.